

ISSN 1985-5451
 9 1771985 545008

BULETIN TERAJU

www.umk.edu.my



Program Ramah Mesra
**YTM, Dr. Tengku Muhammad Fa-iz Petra
 Ibni Sultan Ismail Petra,
 Tengku Mahkota Kelantan dan Pro-Canselor UMK
 Bersama Warga UMK**



Istiadat Pemasyhuran Tuanku
 Canselor & Pengisytiharan
 Pelantikan Pro-Canselor
 Sempena Majlis Konvokesyen
 Pertama UMK



269 Graduan
 Sulung UMK
 Terima Ijazah



Program Ramah Mesra
 YTM, Dr. Tengku Muhammad Fa-iz
 Petra Ibni Sultan Ismail Petra,
 Tengku Mahkota Kelantan Bersama
 Warga UMK

Pengurusan UMK

Naib Canselor

Y.Bhg. Prof. Emeritus Dato' Ir. Dr. Zainai Mohamed

Timbalan Naib Canselor

Y.Bhg. Prof. Dato' Dr. Mortaza Mohamed
(Hal Ehwal Pelajar dan Alumni)

Pendaftar

En. Abdul Halim Abdul Rahman

Bendahari

Hajah Siha Saat

Ketua Pustakawan

En. Azman Hashim

Editorial

Ketua Editor

Puan Wan Tik Sakinah Wan Mohd Zain
(Pegawai Pusat Komunikasi Korporat)

Editor

Liau Pei Wen

Wartawan

Syarimie Wosley
Normala Othman

Fotografi

Mohd Al Azam Mat Razi

Pereka

Yusroyka Karim
Elyani Zamri

Editor Bersekutu

Prof. Dr. Hj. Ibrahim Che Omar
(Dekan Fakulti Agro Industri dan Sumber Asli)

Prof. Madya Hj. Abdul Aziz Shuaib
(Dekan Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan)

Dr. Mohd. Azam Khan Goriman Khan
(Dekan Fakulti Perubatan Veterinar)

Dr Mohd Rafi Bin Yaacob
(Pemangku Dekan Fakulti Keusahawanan dan Perniagaan)

Prof. Dr. Farok Zakaria
(Pegawai Pusat Pengajian Bahasa dan Pembangunan Insaniah)

Prof. Rosdi Ab. Rahman
(Pegawai Pusat Pembangunan dan Pengurusan Akademik)

Prof. Dr. Mohamed Dahlan Ibrahim
(Pegawai Pusat Pembelajaran dan Pengembangan Keusahawanan)

Prof. Madya Abdul Aziz Ab. Latiff
(Pegawai Bahagian Perniagaan dan Inkubator)



Tajuk : TERAJU

Foto : Mohd Al Azam Mat Razi
Rekabentuk : Yusroyka Karim

Untuk Maklumat Lanjut, Sila Hubungi:
Pusat Komunikasi Korporat
Universiti Malaysia Kelantan
Karung Berkunci 36, Pengkalan Chepa
16100 Kota Bharu, Kelantan

E-mail: korporat@umk.edu.my
Tel: 09-771 7019
Faks: 09-771 7022

Laman sesawang: <http://www.umk.edu.my>

Perutusan
NAIB CANSELOR

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, Alhamdulillah segala puji ke hadrat Allah S.W.T Yang Maha Pemurah Lagi Maha Mengasih.

Sedar ataupun tidak, akhirnya kita telah sampai ke penghujung tahun 2011 dan bakal melangkah ke tahun 2012. Bagi saya tahun 2011 ini berlalu begitu cepat sekali. Pada ketika ini, semua pegawai perlu memastikan program dan aktiviti telah dilaksanakan mengikut perancangan selain meneliti dan mengkaji sama ada perancangan kerja yang dilaksanakan telah berjaya mencapai objektif yang ditetapkan.

Sesungguhnya, banyak perkara yang telah kita lalui sepanjang tahun 2011. Universiti Malaysia Kelantan (UMK) telah memasuki Fasa kedua (ke-2) proses pembangunan Universiti. Pada tahun ini juga UMK telah mencapai usia operasi empat (4) tahun dan telah melengkap satu (1) proses kitaran pengajian dengan menghasilkan 269 orang alumni di Majlis Konvokesyen Pertama UMK pada 19 September 2011.

UMK juga melakar sejarah bagi Majlis Konvokesyen Pertama kali ini dengan berlangsungnya serentak Majlis Istiadat Pemasyhuran Kebawah Duli Yang Maha Mulia (KDYMM) Tuanku Canselor, Sultan Muhammad V, Sultan Dan Yang Di Pertuan bagi Negeri Kelantan Darulnaim dan jajahan takluknya sebagai Tuanku Canselor UMK. Pengisytiharan Pelantikan Pro-Canselor UMK, Yang Teramat Mulia, Dr. Tengku Muhammad Fa-iz Petra ibni Sultan Ismail Petra, Tengku Mahkota Kelantan turut diadakan pada Majlis Konvokesyen tersebut.

Yang Teramat Mulia, Dr. Tengku Muhammad Fa-iz Petra Ibtisam Sultan Ismail Petra, Tengku Mahkota Kelantan, Pro-Canselor UMK telah berkenan menyampaikan Ijazah kepada 269 graduan sulung Universiti di Majlis Konvokesyen Pertama UMK. Pesta Konvokesyen UMK yang pertama diadakan pada 15 hingga 19 September 2011 di Kampus UMK Bachok, Kelantan. Alhamdulillah kedua-dua majlis ini telah dapat disempurnakan dengan lancar dan jayanya.

Seterusnya, pembangunan Fasa kedua bagi tempoh lima (5) tahun mulai pada tahun 2011 hingga tahun 2015 ini, Universiti akan memberi fokus kepada pembangunan keupayaan staf, pembangunan fizikal yang lebih mampan dan pemantapan sistem organisasi. Selama tempoh empat (4) tahun operasi UMK, banyak perkara lain yang telah dicapai oleh Universiti khususnya dalam proses merekabentuk dan meletakkan asas organisasi UMK sebagai sebuah institusi pengajian tinggi (IPT).

Segala pencapaian yang diperolehi membuktikan Universiti berada di landasan yang betul bagi meneruskan usaha untuk merealisasikan visi UMK untuk menjadi peneraju pembangunan modal insan bercirikan keusahawanan untuk kesejahteraan global dengan penekanan kepada enam teras strategik Universiti iaitu pemantapan program pengajian, penyediaan sumber manusia yang kompeten, pembangunan infrastruktur yang kondusif, pentadbiran yang mantap, perkhidmatan kepada masyarakat dan pembudayaan keusahawanan

Harapan saya, kewujudan UMK di negeri Kelantan ini dapat memberi impak perubahan kepada keadaan sosio-ekonomi masyarakat setempat melalui program perkhidmatan masyarakat oleh pihak Universiti. Akhir sekali terima kasih tidak terhingga kepada semua pihak, staf, pelajar dan mereka yang terlibat sama ada secara langsung atau tidak langsung dalam menyumbang kepada pembangunan Universiti selama ini.

Selamat Tahun Baru 2012 dan semoga kita dapat memulakan lembaran lembaran baru yang lebih baik pada tahun 2012.

Sekian, terima kasih. Wassalam.

Y.Bhg. Prof. Emeritus Dato' Ir. Dr. Zainai bin Mohamed

Istiadat Pemasyhuran Tuanku Canselor & Pengisytiharan Pelantikan Pro-Canselor Sempena Majlis Konvokesyen Pertama UMK



TUANKU CANSELOR
UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN,
KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA
SULTAN MUHAMMAD V

Pada Majlis Konvokesyen Pertama Universiti Malaysia Kelantan turut berlangsungnya Majlis Istiadat Pemasyhuran Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Canselor, Sultan Muhammad V, Sultan Dan Yang Di Pertuan Bagi Negeri Kelantan Darulnaim dan Jajahan Takluknya, sebagai Tuanku Canselor UMK.

Turut diadakan ialah Pengisytiharan Pelantikan Pro-Canselor UMK, Yang Teramat Mulia, Dr. Tengku Muhammad Fa-iz Petra ibni Sultan Ismail Petra, Tengku Mahkota Kelantan bersempena majlis tersebut.

Sementara itu, logo konvokesyen pertama turut diperkenalkan bertemakan 'Menjulung Keusahawanan'.

Menteri Pengajian Tinggi, Y.B. Dato' Seri Mohamed Khaled bin Nordin membaca watakah Pemasyhuran Canselor Universiti Malaysia Kelantan, KDYMM Sultan Muhammad V, Sultan Dan Yang Di-pertuan Bagi Negeri Kelantan Darulnaim Dan Jajahan Takluknya dan Pengisytiharan Pelantikan Pro-Canselor Universiti Malaysia Kelantan, Yang Teramat Mulia Dr. Tengku Muhammad Fa-iz Petra Ibni Sultan Ismail Petra, Tengku Mahkota Kelantan dalam acara penuh istiadat sempena Majlis Konvokesyen Pertama Universiti Malaysia Kelantan.



GRADUAN SULUNG MILIKI KEMAHIRAN USAHAWAN, MAMPU BERDIKARI – Pro-Canselor UMK



PENEKANAN kepada teras ilmu dan kemahiran keusahawanan oleh Universiti Malaysia Kelantan (UMK) adalah selari dengan ajaran Islam yang mengangkat tinggi bidang tersebut seperti yang terkandung di dalam kitab suci Al-Quran.

Pro-Canselor UMK, Yang Teramat Mulia (YTM) Dr. Tengku Muhammad Fa-iz Petra Ibbi Sultan Ismail Petra bertitah, Islam telah mentakrifkan sembilan daripada sepuluh (9/10) rezeki datangnya daripada bidang perniagaan malah terdapat 370 ayat menyentuh mengenai keusahawanan dan perniagaan

sebagai satu aspek pencarian dan penjaan rezeki yang halal lagi mulia.

Sehubungan itu, baginda berharap supaya nilai-nilai yang baik dapat diterapkan dalam pengajaran dan pembelajaran untuk menghasilkan graduan berkeperibadian terpuji yang menyumbang kepada kesejahteraan ummah dan persekitaran global. Baginda bertitah, graduan sulung UMK adalah permata Universiti yang menjadi perhatian ramai pihak kerana mereka dijadikan sebagai indikator utama dalam mengukur prestasi pencapaian sesebuah Universiti terutama yang baru ditubuhkan.

"Justeru, graduan UMK diharap tidak menghampakan harapan Universiti dengan memanfaatkan seluruh ilmu dan pengalaman di Universiti untuk memberikan khidmat terbaik bagi membuktikan kepada masyarakat bahawa adalah graduan yang bercirikan keusahawanan.



Pro-Canselor UMK, Yang Teramat Mulia, Dr. Tengku Muhammad Fa-iz Petra menyampaikan titah ucapan sempena Majlis Konvokesyen Pertama UMK.



TUN ABDULLAH TERIMA ANUGERAH IJAZAH KEHORMAT DOKTOR KEUSAHAWANAN (PEMBANGUNAN MODAL INSAN)



PERDANA Menteri Malaysia Kelima, YABhg. Tun Abdullah bin Haji Ahmad Badawi dianugerahkan Ijazah Kehormat Doktor Keusahawanan dalam Pembangunan Modal Insan Sempena Majlis Konvokesyen Pertama Universiti Malaysia Kelantan (UMK), pada 19 September 2011.

Anugerah itu disampaikan oleh Tuanku Pro-Canselor UMK, Yang Teramat Mulia (YTM), Dr. Tengku Muhammad Fa-iz Petra Ibni Sultan Ismail Petra.

Penganugerahan ini adalah bertepatan dengan sumbangan besar Tun Abdullah kepada pembangunan dan kemajuan negara dalam aspek pembangunan modal insan serta keusahawanan di Malaysia amnya dan di UMK khususnya.

Menurut Tun Abdullah, penubuhan UMK adalah selari dengan hasrat dan matlamat kerajaan semasa pentadbirannya dan kini dibawah pentadbiran Perdana Menteri, Y.A.B. Dato' Seri Mohd Najib bin Tun

Abdul Razak iaitu untuk membangunkan lebih ramai modal insan yang berkualiti tinggi.

"UMK wujud berdasarkan kepada prinsip bahawa semua rakyat Malaysia perlu diagih peluang yang sama rata bagi mendapatkan pendidikan berkualiti (*Equitable Distribution Of Quality Education*)," jelas Tun Abdullah.

Dalam hubungan ini, Abdullah berkata pembangunan modal insan adalah bersesuaian dengan usaha UMK merealisasikan tagline *Entrepreneurship Is Our Thrust* yang wajar disokong dan dipandang tinggi oleh kerajaan dan masyarakat.

Menurut beliau, UMK telah diletakkan dengan asas yang betul dan harus bersedia untuk terus membangunkan modal insan yang tinggi serta nilai keusahawanan.

"Ini sejajar dengan keperluan masyarakat serta negara dalam menjana pembangunan ekonomi dan sosial masyarakat khususnya masyarakat luar bandar," jelas Tun lagi.

"Saya percaya UMK akan menjadi pemangkin yang efektif kepada pembangunan ekonomi dan anjakan minda masyarakat setempat di Kelantan ini serta peranan penting yang dimainkan oleh UMK dalam menyumbang kepada kejayaan pelan pembangunan Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECER) yang dirancang," jelas beliau lagi.

UMK PEMANGKIN DASAR PEMBANGUNAN KEUSAHAWANAN NEGARA



“Kejayaan yang dikecapi ini sememangnya menjadi kebanggaan ibu bapa, ahli keluarga dan juga Universiti. Justeru, tingkatlah ilmu dan kemahiran masing-masing kerana graduan yang dihasilkan ini tidak lagi bersifat modal insan yang memenuhi keperluan industri semata-mata”

Y.Bhg. Dato' Seri Mohamed Khaled Nordin.

USAHA pembudayaan nilai keusahawanan oleh Universiti Malaysia Kelantan (UMK) adalah bertepatan dengan Dasar Pembangunan Keusahawanan Institusi Pengajian Tinggi yang berhasrat untuk melahirkan lebih ramai usahawan siswazah yang akan bertindak sebagai pemangkin kepada tranformasi ekonomi negara.

Menteri Pengajian Tinggi Malaysia, Y.B. Dato' Seri Mohamed Khaled bin Nordin berkata, untuk menjayakan Model Baharu Ekonomi (MBE) memerlukan ciri ekonomi yang memberi fokus kepada keusahawanan.

Beliau berkata, UMK perlu proaktif bagi mempertingkatkan kualiti dan jaminan nilai perkhidmatan serta memaksimumkan ekosistem pengajian negara yang lebih dinamik, berdaya saing serta berteraskan inovasi dan kreativiti.

“Saya meletakkan harapan penuh agar UMK mampu bergerak laju ke hadapan dalam usaha menempatkan dirinya menjadi salah sebuah institusi yang dirujuk dalam bidang tujahan yang ditetapkan, jika kesemua keperluan dan tuntutan dipenuhi dengan jayanya,” katanya.

Beliau berkata demikian dalam ucapan sempena Majlis Konvokesyen Pertama UMK, di sebuah hotel, di Kota Bharu, Kelantan, pada 19 September 2011.

Sempena majlis itu, beliau juga menyampaikan ucapan penghargaan dan tahniah kepada 269 graduan sulung UMK kerana telah berjaya menamatkan pengajian dengan memperoleh ijazah dalam bidang pengajian masing-masing.

“Kejayaan yang dikecapi ini sememangnya menjadi kebanggaan ibu bapa, ahli keluarga dan juga Universiti. Justeru, tingkatlah ilmu dan kemahiran masing-masing kerana graduan yang dihasilkan ini tidak lagi bersifat modal insan yang memenuhi keperluan industri semata-mata,” ujarnya.

Menurut beliau, graduan hari ini sebaliknya perlu mempunyai keupayaan membantu negara menghadapi persaingan dan menyumbang penyelesaian kepada cabaran semasa akan datang.



269 GRADUAN SULUNG UMK TERIMA IJAZAH



SERAMAI 269 graduan yang terdiri daripada 266 pelajar pra-siswazah dan tiga (3) pelajar pascasiswazah Universiti Malaysia Kelantan (UMK) menerima Ijazah masing-masing pada Majlis Konvokeysen Pertama UMK yang berlangsung di sebuah hotel di Kota Bharu, Kelantan pada 19 September 2011.

Graduan sulung daripada Fakulti Keusahawanan dan Perniagaan (FKP) dianugerahkan Ijazah Sarjana Muda Keusahawanan (Perdagangan) dengan Keahlian; graduan Fakulti Agro Industri dan Sumber Asli (FASA) dianugerahkan Ijazah Sarjana Muda Sains Gunaan (Keusahawanan Teknologi Pertanian) dengan keahlian.

Graduan Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan pula menerima Ijazah Sarjana Muda Teknologi Kreatif dengan Keahlian dan Ijazah Sarjana Muda Pengajian Warisan dengan Keahlian.

Sementara itu, seorang graduan pasca siswazah menerima Ijazah Sarjana Keusahawanan (Pengurusan) dan dua lagi menerima Ijazah Sarjana Sains Bioteknologi Pertanian.

Naib Canselor UMK, Y.Bhg. Prof. Emeritus Dato' Ir. Dr. Zainai bin Mohamed berkata, Majlis Konvokeysen Pertama UMK telah melakar sejarah tersendiri kerana ini adalah majlis konvokeysen yang pertama kali diadakan oleh sebuah Universiti Awam penuh di negeri Kelantan.

Katanya, bersempena majlis tersebut, Sultan Kelantan, KeBawah Duli Yang Maha Mulia (KDYMM) Sultan Muhammad V turut dimasyhurkan sebagai Canselor UMK dan Tengku Mahkota Kelantan, Yang Teramat Mulia, Dr. Tengku Muhammad Fa-iz Petra ibni Sultan Ismail Petra telah diisytiharkan sebagai Pro-Canselor UMK.

"Penubuhan UMK juga telah membuka lembaran baru dalam dunia pendidikan tinggi di Malaysia khususnya di negeri Kelantan terutamanya dalam memperkasakan pendidikan keusahawanan.

"Secara tidak langsung penubuhannya UMK adalah kesinambungan kepada kegemilangan pendidikan tinggi negara dan memberi impak besar dari aspek pembangunan ekonomi setempat khususnya di sekitar Kelantan amnya," katanya.

Pada majlis itu, beliau menyarankan kepada para graduan supaya mengamalkan prinsip meritokrasi dalam peningkatan kerjaya pada masa hadapan yakni kemajuan dalam apa bidang sekalipun.

"Kita perlu ada keyakinan dan jati diri tinggi serta sentiasa percaya kepada kekuatan diri dan berusaha pada tahap optimun," katanya.



KEJAYAAN HARI INI BARU PERMULAAN Penerima Anugerah Pelajaran Diraja

MAJLIS Konvokeysen Pertama Universiti Malaysia Kelantan (UMK) adalah simbol kejayaan kepada 266 graduan ijazah pertama dari tiga fakulti yang menjadi pelajar perintis kepada Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) ke-19 ini.

Penerima Anugerah Pelajaran Diraja UMK, Cik Nadiah binti Mohd Aris memberitahu, kejayaan beliau pada hari ini sebenarnya adalah permulaan kepada cabaran baru untuk meletakkan graduan sulung UMK di kehidupan realiti yang lebih mencabar.

Beliau percaya, *arena life world* yang penuh dengan kompleksiti, peluang dan ketidakpastian di luar sana menjadikan graduan Universiti lebih bersedia untuk menghadapi persekitaran yang sengit lagi mencabar.

"Segulung ijazah yang kami terima pada majlis konvokeysen ini dapat diamalkan dan dimanfaatkan demi memajukan diri, keluarga, masyarakat dan negara," katanya.

Beliau selaku penerima anugerah Pelajaran Diraja menyampaikan ucapan aluan bagi mewakili graduan UMK di Majlis Konvokeysen Pertama UMK pada 19 September 2011.

MAJLIS KONVOKESYEN



PERTAMA UMK 2011



PROGRAM | Tuanku Pro-Canselor Rasmi Pesta Konvokesyen UMK



TUANKU Pro-Canselor Universiti Malaysia Kelantan, Yang Teramat Mulia, Dr. Tengku Muhammad Fa-iz Petra Ibtisama Petra telah berkenan mencemar duli menyempurnakan Perasmian Pesta Konvo sempena Majlis Konvokesyen Pertama UMK di Kampus UMK Bachok, Tangok, Kelantan.

Pesta Konvokesyen ini telah berlangsung selama lima hari bermula pada 15 hingga 19 September 2011 bagi memperkenalkan Kampus Bachok kepada masyarakat Kelantan telah mula beroperasi sejak bulan April 2011.

Naib Canselor UMK, Y.Bhg. Prof. Emeritus Dato' Ir. Dr. Zainai bin Mohamed, berkata, pelaksanaan Pesta Konvokesyen di kampus baru ini dapat memberi peluang kepada penduduk setempat di Bachok khususnya dan rakyat Kelantan amnya untuk menyaksikan sendiri perkembangan terbaru universiti.

Beliau berkata, pesta konvokesyen yang berkonsepkan keusahawanan ini bukan sahaja untuk meraikan para graduan sulung UMK yang menerima ijazah masing-masing tetapi pada masa yang sama masyarakat dapat merebut peluang menjana pendapatan dengan menjalankan aktiviti perniagaan sepanjang pesta berlangsung.

"Pesta Konvokesyen ini juga secara langsung memberi kesempatan kepada ibu bapa graduan untuk datang dan melihat sendiri pembangunan kampus baru Bachok,"katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas pelancaran Majlis Pesta Konvokesyen, di Bachok, pada 17 September 2011.

Sempena Pesta Konvokesyen pelbagai program telah diadakan seperti forum keusahawanan Islam, seminar dan bengkel, sukan rakyat, pertandingan memancing, persembahan kebudayaan dan juga pameran daripada agensi kerajaan, swasta dan pihak NGO. Pihak urusetia juga telah menyediakan lebih daripada 100 gerai yang akan menjual berbagai jenis produk termasuk gerai makanan dan minuman.

SAMBUTAN HARI UNESCO INISIATIF UMK PULIHARA ALAM SEKITAR



UNIVERSITI Malaysia Kelantan (UMK) sentiasa mengorak langkah ke hadapan dalam usaha memulihara serta kepentingan memupuk pengetahuan tentang isu-isu biodiversiti dan pendidikan global dalam penjagaan 'kehijauan' alam sekitar.

Penganjuran sambutan program Hari Alam Sekitar Sedunia Pertubuhan Pendidikan, Saintifik dan Kebudayaan Bangsa Bersatu (UNESCO) 2011, pada 3 dan 4 Oktober 2011, antara usaha berterusan dalam pelaksanaan program penjagaan alam sekitar oleh UMK.

Naib Canselor UMK, Y.Bhg. Prof. Emeritus Dato' Ir. Dr. Zainai bin Mohamed berkata, program anjuran Fakulti Agro Industri dan Sumber Asli (FASA) itu berkait rapat dengan subjek pembelajaran dan pengajaran yang ditawarkan Universiti.

Beliau berkata, program Hari Alam Sekitar adalah sebagai satu usaha memupuk pengetahuan dikalangan pelajar sekolah dan mahasiswa tentang isu-isu persekitaran selain kepentingan menjaga alam sekitar.

"Ia juga menekankan kepentingan keamanan dan kegunaan pokok-pokok dan hutan terhadap alam sekitar," katanya.

Beliau berkata demikian semasa menyempurnakan perasmian program Hari Alam Sekitar Sedunia UNESCO 2011 di Dewan Terbuka Keusahawanan, Kampus UMK Pengkalan Chepa, Kelantan, pada 3 Oktober 2011.

Tambahnya, program *UNESCO World Environment Day* di UMK telah bermula sejak 2010 dimana pihak Universiti telah memilih enam hari utama yang melibatkan pendidikan, sains, kebudayaan, maklumat dan komunikasi sebagai tanda sokongan serta komitmen untuk menjayakan tranformasi UNESCO.

"Pihak Universiti sentiasa peka terutamanya dalam memberi perhatian tentang alam sekitar dan kita jangan sewenang-wenangnya merosakkan alam sekitar kerana kita diberi amanah serta tanggungjawab menjaga kepentingan alam sekitar untuk tatapan generasi muda menikmati kehijauan seperti kita sekarang," ujarnya.

Dalam meraikan sambutan program alam sekitar UNESCO ini, pelbagai aktiviti telah diadakan seperti ceramah, pertandingan alam sekitar, program untuk kanak-kanak dan pelbagai aktiviti membabitkan alam sekitar.

UMK PRIHATIN TANGGANI ISU KEMANUSIAAN SEJAGAT

PENINGKATAN kes penderaan terhadap wanita mengalami peningkatan setiap tahun dan berada pada tahap serius, ini membuktikan kesedaran masyarakat dalam menangani isu-isu penderaan terutamanya membabitkan golongan wanita dan kanak-kanak masih berada di tahap rendah lagi.

Bagi menangani pelbagai kes membabitkan golongan tersebut orang ramai diminta tampil melaporkan sebarang kes penderaan atau keganasan rumah tangga yang berlaku di rumah terutamanya kaum wanita yang menjadi mangsa pelakuan itu bagi menangani isu-isu penderaan ini.

Ketua Pengarah Jabatan Pembangunan Wanita, Kementerian Pembangunan Wanita Malaysia, Y.Bhg. Puan Wan Hasmah binti Wan Mohd berkata, golongan wanita yang menjadi mangsa penderaan suami biasanya takut membuat laporan kepada pihak berwajib kerana bimbang rumah tangga mereka musnah hanya kerana sikap suami yang suka mendera dan memukul.

"Wanita yang menjadi mangsa pelakuan ganas suami masih sayang kepada suami dan dan ada antara wanita yang hanya bergantung harap kepada suami bagi menanggung kehidupan mereka sekeluarga dan mereka sanggup berdiam diri tidak membuat laporan," katanya.

Beliau berkata demikian selepas berucap pada Seminar Isu dan Cabaran Kemanusiaan Peringkat Antarabangsa 2011 di Kampus Universiti Malaysia Kelantan (UMK) Taman Bendahara Pengkalan Chepa, pada 23 Oktober 2011.

Turut hadir pada majlis itu, Naib Canselor UMK, Y.Bhg. Prof. Emeritus Dato' Ir. Dr. Zainai bin Mohamed serta Pengarah Pusat Pengajian Bahasa dan Pembangunan Insaniah (PPBPI), Y.Bhg. Prof. Dr Farouk bin Zakaria.

Penganjuran program ini merupakan tanggungjawab sosial UMK dan UNESCO dalam menangani pelbagai kes membabitkan isu-isu kemanusiaan selama dua hari bermula 23 hingga 24 Oktober 2011 bagi memberi seberapa banyak maklumat berhubung kes kemanusiaan di peringkat antarabangsa.

Pelbagai isu-isu diketengahkan oleh pembentang kertas seminar seperti isu-isu penderaan kanak-kanak, isu penderaan warga tua, mangsa peperangan di Iraq, Palestin, selatan Thailand dan sebagainya.



Program Ramah Mesra YTM, Dr. Tengku Muhammad Fa-iz Petra Ibni Sultan Ismail Petra, Tengku Mahkota Kelantan Bersama Warga UMK



SIFAT ramah, mesra dan ceria Tengku Mahkota Kelantan, Yang Teramat Mulia (YTM) Dr. Tengku Muhammad Fa-iz Petra Ibni Sultan Ismail Petra mengundang rasa kagum kira-kira 500 warga Universiti Malaysia Kelantan (UMK) ketika menghadiri Program Ramah Mesra YTM, Dr. Tengku Muhammad Fa-iz Petra Ibni Sultan Ismail Petra, Tengku Mahkota Kelantan dan Pro-Canselor UMK yang diadakan di Dewan Terbuka Keusahawanan, Kampus UMK Pengkalan Chepa, Kelantan pada 30 November 2011.

YTM Tengku Mahkota selaku Pro-Canselor UMK telah berkenan mencemar duli menghadiri program sebagai tetamu kehormat pada majlis gilang-gemilang tersebut sambil mengambil peluang untuk beramah mesra dengan warga UMK .

Turut hadir Pengerusi Lembaga Pengarah Universiti (LPU), Y.Bhg. Tan Sri Dato' Sri Hamad Kama Piah bin Che Othman, Pengelola Istana Di Raja Kelantan, Y.A.Bhg. Dato' Haji Ahmad bin Mahmood, Naib Canselor UMK, Y.Bhg. Prof. Emeritus Dato' Ir. Dr. Zainai bin Mohamed, Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) UMK, Y.Bhg. Prof. Dato' Dr. Mortaza bin Mohamed.

Menurut Prof. Emeritus Dato' Ir. Dr. Zainai, lawatan baginda menjadi titik permulaan ke arah hubungan silaturahim yang lebih erat antara Tuanku Pro-Canselor bersama warga Universiti terutamanya melibatkan aktiviti perkhidmatan kepada masyarakat khususnya di Negeri Kelantan menerusi pendidikan.

"Kehadiran Tuanku Pro-Canselor sendiri ke UMK boleh dimanfaatkan bersama oleh seluruh rakyat

melalui pelbagai program dan aktiviti pendidikan mahupun penyelidikan sebagai usaha meningkatkan taraf dan kesejahteraan hidup rakyat tempatan," katanya.

Beliau berkata demikian dalam ucapan sempena Program Ramah Mesra YTM, Dr. Tengku Muhammad Fa-iz Petra Ibni Sultan Ismail Petra, Tengku Mahkota Kelantan dan Pro-Canselor UMK di Kampus UMK Pengkalan Chepa, Kelantan.

Sementara itu, Prof. Emeritus Dato' Ir. Dr. Zainai berkata, penubuhan UMK bukan sahaja tertumpu kepada pembangunan fizikal semata-mata malah ianya ditubuhkan untuk memberi impak besar kepada masyarakat di Kelantan khususnya dan di Malaysia umumnya dalam aspek sosio-ekonomi dan pendidikan.

"Adalah menjadi harapan UMK untuk memperkasakan agenda pendidikan keusahawanan Universiti dengan menyediakan graduan dan memperkasakan staf yang dilengkapi dengan kemahiran dan atribut keusahawanan seperti inovatif, kreatif, sanggup menghadapi risiko serta berdaya

maju," katanya.

Tambah beliau, usaha ini bertepatan dengan hasrat negara untuk memastikan rakyat Malaysia bukan hanya bergantung kepada agensi kerajaan semata-mata malah berupaya menyediakan peluang pekerjaan untuk diri sendiri dan juga orang lain.

"Dalam pada itu, Universiti juga berperanan sebagai agen perubahan minda masyarakat dalam membantu kerajaan melaksanakan agenda pembangunan sosio-ekonomi masyarakat di negeri ini," ujar beliau.

Sempena majlis itu, YTM Dr. Tengku Muhammad Fa-iz Petra juga telah mencemar duli melawat Galeri Di-Raja, pameran fakulti dan menyempurnakan pelancaran lapan buku hasil penyelidikan dan penulisan staf-staf UMK.

Tambah Prof. Emeritus Dato' Ir. Dr. Zainai, UMK juga bertanggungjawab menjadi peneraju pembangunan modal



insan bercirikan keusahawanan bagi kesejahteraan global.

"Tanggungjawab sebagai Sekretariat kepada Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECER)-Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) merupakan satu penghormatan besar kepada UMK dalam usaha membantu kerajaan dalam pembasmian kemiskinan khususnya kemiskinan tegar meskipun UMK masih baharu dalam sektor pengajian tinggi negara," katanya.



MOU UMK DAN FRIM PERKUKUH KERJASAMA DALAM PENYELIDIKAN BIODIVERSITI

UNIVERSITI Malaysia Kelantan (UMK) dan Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) telah bersetuju menandatangani satu Perjanjian Persefahaman (MOU) untuk bekerjasama dalam bidang penyelidikan hutan tropika dan pembangunan keluaran hutan.

Kerjasama itu telah dimeterai oleh Naib Canselor UMK, Y.Bhg. Prof. Emeritus Dato' Ir. Dr. Zainai bin Mohamed dan Ketua Pengarah FRIM, Y.Bhg. Dato' Dr. Abd. Latif Mohmod, dalam majlis penuh bersejarah di FRIM, Kepong, Selangor, pada 6 Oktober 2011.

Pengarah FRIM, Dato' Dr. Abd. Latif, menyifatkan kerjasama kedua-dua pihak ini membolehkan kedua-dua buah organisasi tersebut bekerjasama dalam meneroka dan pertukaran maklumat penyelidikan serta pembangunan perhutanan.

Tambah beliau, selain itu kedua-dua buah pihak dapat memelihara dan mengekalkan alam sekitar di kawasan hutan simpanan kekal di negara ini.

"Melalui perjanjian ini FRIM dan UMK menjadi peneraju utama dalam melestarikan sumber asli dan khazanah hutan di negara ini dan pada masa yang sama menjadi ikon dalam bidang tersebut.

"FRIM akan menyediakan program dan aktiviti pembangunan sumber manusia melalui latihan dan pembinaan kapasiti pegawai penyelidik, kakitangan dan pelajar," katanya.

Menurut Dato' Dr. Abd. Latif, kerjasama ini juga akan menggalakkan sesi pembelajaran dan pemindahan teknologi yang berkaitan termasuk sesi perundingan serta khidmat nasihat teknikal yang menyokong perancangan menjadikan kampus sokongan kepada kedua-dua buah pihak.

"Selain itu, kerjasama ini juga membabitkan pertukaran dan pinjaman pegawai penyelidik dan staf dalam projek program penyelidikan yang akan memberi faedah bersama dalam menghasilkan laporan dokumentasi penerbitan dan lawatan sambil belajar," katanya.

Sementara itu, Naib Canselor UMK, Prof. Emeritus Dato' Ir. Dr. Zainai, berkata, kerjasama ini akan memperluaskan rangkaian hubungan dua hala dengan pihak agensi lain dalam mencapai manfaat bersama menjaga alam sekitar.



Pelakon terkenal kongsi pengalaman penghijrahan di UMK



Catriona Norhayati Ross binti Bahrain Ross atau lebih dikenali sebagai 'Cat', pelakon drama popular Mek Salmah dari Scotland dan drama bersiri Sephia yang kini tampil dengan imej bertudung bercadang untuk berkongsi pengalaman kisah hidupnya menerusi buku hasil nukilannya sebagai panduan khusus untuk remaja perempuan.

Secara umumnya, masyarakat sudah mengetahui kisah sejarah kehidupannya yang telah diberi petunjuk dan hidayah dari Allah SWT selepas kemalangan ngeri yang menimpanya pada 14 April 2007 telah mengubah kembali perjalanan hidupnya ke arah kebaikan.

Beliau yang hadir berkongsi pengalaman itu bersama penuntut Universiti Malaysia Kelantan (UMK) sempena sambutan Maal Hijrah peringkat UMK 1433 Hijrah percaya dirinya cukup bertuah kerana telah diberi peluang kedua untuk kembali berubah kepada yang lebih baik.

Pengalaman itu adalah lebih manis sekiranya rancangan untuk membukukan sejarah penghijrahannya dapat dimanfaatkan bersama oleh masyarakat khususnya kaum hawa.

Menurut Catriona, buku ini bukan untuk menunjuk-nunjuk dengan anugerah yang diberikan oleh Tuhan, tetapi untuk berkongsi pengalaman untuk menunjukkan rasa kesyukuran kerana dijemput olehNya untuk berdakwah dengan caranya tersendiri.

"Walaupun saya diejek oleh rakan-rakan sama ada dalam industri filem yang saya ceburi atau kenalan lain, namun saya anggap ia suatu cabaran untuk sampai ke matlamat perjuangan," jelasnya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas menyampaikan ceramah dalam program bual bicara Hijrah-Antara Usaha @ Hidayah di Dewan Terbuka Keusahawanan, Kampus UMK Pengkalen Chepa, Kota Bharu, Kelantan pada 1 Disember 2011.



YABhg. Tun Abdullah hadir Majlis Makan Malam Pra-Konvokesyen Pertama UMK

PERDANA Menteri Kelima, YABhg. Tun Abdullah bin Haji Ahmad Badawi telah sudi hadir memeriahkan majlis makan malam Pra-Konvokesyen Pertama Universiti Malaysia Kelantan (UMK), di Dewan Terbuka Keusahawanan, Kampus UMK Pengkalan Chepa, Kota Bharu, Kelantan, pada 18 September 2011.

Tun Abdullah yang diiringi oleh isteri, Y.Bhg. Tun Jeane Abdullah, turut meraikan lebih 300 tetamu termasuk graduan sulung UMK dan ibu bapa pelajar.

Turut hadir pada majlis berkenaan ialah Pengerusi Lembaga Pengarah Universiti (LPU), Y.Bhg. Tan Sri Mohd Kama Piah bin Che Othman, Naib Canselor UMK, Prof. Emeritus Dato' Ir. Dr. Zainai bin Mohamed dan isteri, Y.Bhg. Prof. Madya Datin Rosnah binti Mohamad Sirin, dan pegawai kanan universiti.

Sempena majlis tersebut, Tun Abdullah turut berkenan menerima cenderahati yang disampaikan oleh Naib Canselor UMK. Sebaik sahaja acara selesai, tetamu dan warga UMK yang hadir turut berpeluang beramah mesra serta bersalaman dengan Tun Abdullah dan isteri.



Pusat Sumber Prof. Emeritus Dato' Ir. Dr. Zainai bantu tingkatkan kecemerlangan pelajar



PROGRAM Sambutan Hari Literasi Sedunia Pertubuhan Pelajaran, Sains dan Kebudayaan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNESCO), mampu memupuk usaha kesedaran masyarakat berkaitan kepentingan budaya membaca khususnya di kalangan pelajar sekolah, individu, komuniti dan masyarakat sedunia.

Naib Canselor Universiti Malaysia Kelantan (UMK), Y.Bhg. Prof. Emeritus Ir. Dr. Zainai bin Mohamed berkata, usaha ini bertepatan dengan program Hari Literasi Sedunia UNESCO yang disambut pada 8 September setiap tahun yang diraikan oleh pelbagai negara di seluruh dunia sebagai salah satu usaha berkaitan budaya membaca khususnya di kalangan pelajar sekolah.

Beliau berkata, literasi adalah penanda aras yang menentukan kadar kemajuan serta kemunduran ekonomi sesebuah negara kerana hanya formula melalui kemampuan literasi atau celik huruf sahaja dapat membantu membasmi kemiskinan dan menambah baik taraf sosioekonomi masyarakat.

Katanya, hasil daripada kajian yang dijalankan terdapat 26 peratus daripada orang dewasa negara ini kesian buta huruf, manakala 15 peratus daripada golongan kanak-kanak berusia 6 sehingga 11 tahun pula masih tidak tahu membaca.

"Kita boleh lihat apabila sebuah negara hanya mempunyai kadar literasi sekitar 55 peratus, pendapatan perkapita rakyatnya adalah kira-kira AS\$600 atau RM1,800 sahaja berbanding negara maju dengan kadar literasi 96 peratus ke atas yang mempunyai pendapatan perkapita sehingga AS\$12,600 atau RM40,000," katanya.

Beliau berkata demikian semasa merasmikan Sambutan Hari Literasi Sedunia Pertubuhan Pelajaran, Sains dan Kebudayaan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNESCO) dan Perasmian Pusat Sumber Sek (PSS) serta pemberian nama baru Pusat Sumber Sekolah kepada Pusat Sumber Prof. Emeritus Dato' Ir. Dr. Zainai di Sekolah Kebangsaan (SK) Bukit Marak, pada 19 Disember 2011.



UMK & BAKTI ANJUR PROGRAM SELANGKAH KE UNIVERSITI

PROGRAM Selangkah Ke Universiti anjuran Badan Amal dan Kebajikan Tenaga Isteri-isteri Menteri dan Timbalan Menteri (BAKTI) dengan kerjasama Universiti Malaysia Kelantan (UMK) mampu memberi motivasi kepada pelajar tentang realiti kehidupan sebenar mahasiswa di universiti.

Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni), Y.Bhg. Prof. Dato' Dr Mortaza bin Mohamed menyifatkan penganjuran ini memberi pendedahan bermanfaat kepada pelajar-pelajar sekolah untuk melanjutkan pengajian di menara gading.

Tambah beliau, UMK antara salah sebuah daripada 14 institusi pengajian tinggi (IPT) awam dan swasta dari seluruh negara yang telah dipilih melaksanakan program itu.

"Melalui insentif ini kita boleh menarik minat dan membakar semangat mereka untuk belajar bersungguh-sungguh kerana hanya taraf pendidikan yang tinggi sahaja mampu merubah



nasib keluarga dan mengelak menjadi golongan miskin," katanya.

Beliau berkata demikian semasa merasmikan 'Program Selangkah Ke Universiti' di Dewan Terbuka Keusahawanan UMK, Kampus UMK Pengkalan Chepa, Kelantan, pada 14 November 2011.

Seramai 250 pelajar dari 45 sekolah di daerah Kota Bharu, Tumpat dan Bachok menyertai 'Program Selangkah Ke Universiti' kali kedua dianjurkan oleh UMK.

Sementara itu, pada majlis sama turut diadakan pelancaran buku terbitan Fakulti Agro Industri dan Sumber Asli (FASA) bertajuk A Glimpse of Kelantanese Traditional Food sempena Hari Makanan Sedunia Pertubuhan Pendidikan, Sains dan Kebudayaan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNESCO).

Dekan FASA, Y.Bhg. Prof. Dr. Hj. Ibrahim bin Che Omar, berkata penerbitan buku kompilasi makanan tradisional masyarakat Kelantan ini adalah bertujuan untuk memperkenalkan keunikan dan kesitimewaan juadah rakyat negeri ini di peringkat antarabangsa.

"Kandungan buku edisi sulung ini lebih menjurus kepada sejarah dan susur-galur makanan dengan paparan gambar yang menarik dan akan dijual dengan harga sekitar RM60. Buku ini juga sesuai untuk kajian pelajar dan dijadikan cenderamata kepada pengunjung dalam dan luar negara," katanya.



UMK BANTU TINGKAT LITERASI SAINS & TEKNOLOGI PELAJAR JELI

SERAMAI 200 pelajar terdiri daripada Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Jeli dan 14 buah sekolah rendah sekitar parlimen Jeli terlibat dalam program Technology Discovery Centre (TDC) dan Kem Sains, di Pondok Moden Jeli, Jeli, Kelantan.

Program anjuran Universiti Malaysia Kelantan (UMK) melalui Pusat Pembangunan dan Pengurusan Akademik (PPPA) dengan kerjasama syarikat Agilent Technologies Malaysia ini bertujuan memberi panduan dan tunjuk ajar kepada generasi muda tentang penerokaan dunia sains dan teknologi.

Program julung kali diadakan itu telah disempurnakan oleh Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Y.B. Dato' Sri Mustapa bin Mohamed.

Menurut Dato' Sri Mustapa, program ini merupakan tanggungjawab sosial korporat (CSR) syarikat yang terbabit sebagai platform untuk menjayakan agenda pembangunan modal insan berteraskan sains dan teknologi.

Beliau berkata, selaku rakan kongsi, penglibatan mereka amat diperlukan untuk bersama-sama merancang, mencapai kata sepakat dan bertindak terhadap isu-isu berkaitan sains dan teknologi.

"Pelaksanaan program TDC bertujuan memberi panduan dan tunjuk ajar kepada generasi muda mengenai penerokaan dunia sains dan teknologi," katanya.

Beliau berkata demikian ketika menyempurnakan perasmian program tersebut di Pondok Moden Jeli, Bukit Bunga, Jeli, Kelantan pada 20 November 2011.



Dato' Sri Mustapa menyempurnakan perasmian program Technology Discovery Centre (TDC) dan Kem sains.



UMK juara DiGi's Challenge For Change My Ideas 2011



EMPAT pelajar Universiti Malaysia Kelantan (UMK) mengharumkan nama Universiti apabila menjuarai pertandingan *DiGi's Challenge For Change My Ideas 2011 A Social Venture Competition for Universities Zon Timur* anjuran bersama syarikat telekomunikasi terkenal negara, DiGi Telecommunications Sdn. Bhd. (DiGi) dan Warisan Global Sdn. Bhd. (Warisan Global).

Pertandingan yang berlangsung selama tiga hari bermula 11 November di Kolej Universiti Shahputra (UCSA), Kuantan, Pahang itu melibatkan penyertaan enam kumpulan pelajar daripada Institusi Pengajian Tinggi (IPT) Awan dan Swasta di Pantai Timur termasuk UCSA dan UMK.

Penuntut IPT yang menyertai Bengkel Startup Weekend anjuran Warisan Global akan berpeluang menyertai *DiGi's Challenge For Change* manakala UMK diwakili oleh empat pelajar tahun akhir Fakulti Agro Industri dan Sumber Asli (FASA) iaitu Chew Ting Ann, Daniel Gello, Tan Chean Han dan Ranjani A/P Muniandy.

DiGi's Challenge For Change bertujuan menggalakkan budaya keusahawanan dalam kalangan generasi muda. Para peserta perlu menjana idea untuk mewujudkan satu bentuk perusahaan sosial yang dapat membantu menangani cabaran sosial, ekonomi dan alam sekitar dalam kalangan masyarakat menerusi penggunaan teknologi mudah alih dan internet.

Menurut Ting Ann, pihaknya telah membentangkan idea kepada DiGi untuk mencipta sistem atau aplikasi yang dikenali sebagai HELP.ME dan boleh dimuat turun ke dalam telefon mudah alih dengan kadar bayaran RM5 sebulan.

"Orang ramai yang menggunakan aplikasi HELP.ME hanya perlu menekan satu butang dalam papan kekunci telefon mudah alih untuk menghubungi pusat panggilan syarikat telekomunikasi yang dilangganinya apabila berhadapan kes kecemasan seperti serangan jantung.

Kaki Robot dapat sentuhan graduan UMK

PENERBITAN drama kanak-kanak berjudul *Kaki Robot* terbitan stesen Radio Televisyen Malaysia (RTM) berjaya membangkitkan kebolehan dua graduan sulung Universiti Malaysia Kelantan (UMK) dalam merealisasikan visi Universiti sebagai peneraju pembangunan modal insan bercirikan keusahawanan bagi kesejahteraan global.

Dua graduan Ijazah Sarjana Muda Teknologi Kreatif dengan Kepujian dari Fakulti Teknologi dan Warisan (FTKW), Hairul Anuar Abd Rahim dan Muhd Hafzi Sharom, 24, telah diberi tanggungjawab menguruskan aspek kesan khas imej janaan komputer (CGI), grafik, penyuntingan dan kesan animasi video dalam penghasilan drama *Kaki Robot*.

Hairul Anuar dan Muhd Hafzi selaku Eksekutif Pasca Produksi di syarikat yang menerbitkan animasi *Kaki Robot*, Hezz Comm Sdn. Bhd. (Hezz Comm) di Kuala Lumpur menjelaskan drama bersiri ini menceritakan semangat dan keseronokan dunia kanak-kanak di luar bandar yang penuh imaginatif untuk mereka cipta robot dan gajet sebagai alat hiburan mereka.

Katanya, sementara itu idea penghasilan drama ini teretus daripada Pengarah Urusan Hezz Comm, Hezle Helan tentang pengalaman beliau ketika berada di India melahirkan idea untuk menghasilkan sebuah drama kanak-kanak berunsur robot dan gajet.

Beliau kagum melihat minat kanak-kanak di sana yang begitu minat tentang robotik walaupun kehidupan sosioekonomi mereka masih di tahap miskin.

"Bertitik tolak daripada situ, teretus satu idea untuk beliau menghasilkan sebuah drama untuk kanak-kanak dengan menjadikan robot sebagai plot dalam drama yang berjudul *Kaki Robot*," katanya.

Hairul Anuar berkata, *Kaki Robot* yang dihasilkan dalam 13 episod itu telah mula menemui penonton TV1 pada setiap hari Sabtu pukul 10.30 pagi malah drama ini juga mendapat rating tertinggi sebanyak 96 peratus dalam kalangan drama animasi kanak-kanak yang disiarkan di TV1.



MUKADIMAH

KONFLIK persaudaraan dan bencana alam seperti gempa bumi serta tsunami yang melanda negeri yang mendapat jolokan Bumi Serambi Mekah ini telah memberi kesan besar kepada sebahagian penduduk terutamanya dari aspek ekonomi, sosial dan politik.

Kemusnahan infrastruktur, kehilangan harta benda dan nyawa orang tersayang serta saudara-mara memberi kesan psikologi akibat trauma ekoran daripada pelbagai penderitaan yang dialami masyarakat Aceh itu.

Menyedari kesesraraan dan penderitaan itu, Universiti Malaysia Kelantan (UMK) melalui Bahagian Rundingcara Kaunseling dan Kemajuan Kerjaya dan Kelab Pembimbing Rakan Siswa (PRS), telah mengadakan Program Kemasyarakatan dan Ibadah Qurban Aidiladha di Banda Aceh Darussalam, Indonesia, pada 4 hingga 9 November 2011.

Umumnya mengetahui bahawa penduduk Aceh kini dalam proses kebangkitan semula untuk menghadapi masa hadapan yang lebih baik walaupun kesan trauma bencana alam itu masih menebal dalam jiwa mereka.

Pensyarah Fakulti Agro Industri dan Sumber Asli (FASA) UMK, En. Dony Adriansyah bin Nazaruddin berkata, program ini bertujuan untuk meringankan beban masyarakat Aceh dengan menghulurkan bantuan dan sumbangan terutamanya kepada mangsa tsunami pada 26 Disember 2004.

Menurut En. Dony, program kemasyarakatan yang disertai 25 ahli kelab PRS ini telah mendapat kerjasama baik Persatuan Kebangsaan Pelajar Malaysia di Indonesia Cawangan Aceh (PKPMI-CA) yang menuntut di Institut Agama Islam Negeri (IAIN) Ar-Raniry, Banda Aceh, Indonesia.

"Turut serta ialah Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni), Y.Bhg. Prof. Dato' Dr. Mortaza bin Mohamed selaku Penasihat Kehormat program manakala pegawai UMK terdiri daripada Pegawai Psikologi UMK, Tn. Hj. Wan Supian Sori bin Wan Abdullah, Pensyarah Kanan Pusat pengajian Bahasa dan Pembangunan Insaniah, Dr. Nur Azuki bin Yusuff dan En. Zairy bin Rosli selaku pegawai pengiring program," katanya.

Tambah beliau, program itu dimulakan dengan majlis beramah mesra bersama mangsa tsunami Aceh di kampung Neuheun dan sesi suai kenal (ta'aruf) antara peserta dari UMK dan peserta dari PKPMI-CA disusuli dengan program bakti sosial dan gotong royong.

"Aktiviti ibadah korban dua ekor lembu hasil sumbangan staf UMK telah dijalankan pada hari ketiga sempena sambutan Hari Raya Aidiladha," katanya.

Peserta-peserta program yang membawa misi 'Hulurkan Tangan Ringankan Beban' ini telah disambut oleh rakan kerjasama program iaitu Persatuan Kebangsaan Pelajar Malaysia di Indonesia Cabang Aceh (PKPMI-CA) di Lapangan Terbang Sultan Iskandarmuda, Banda Aceh. Kemudian, kesemua peserta dibawa ke Kompleks Cinta Suci, Kampung Neuheun dan peserta telah disambut dengan meriah oleh penduduk kampung tersebut.

Persembahan kebudayaan Aceh turut dipertontonkan kepada peserta dan selepas itu, kesemua peserta dihantar ke rumah keluarga angkat masing-masing.



2



Program Kemasyarakatan dan Ibadah Qurban Aidiladha di Banda Aceh Darussalam, Indonesia

Sementara itu, Ketua Penyelaras Program, Nurul Afifah binti Mohd Radzir berkata, program Kemasyarakatan dan Ibadah Qurban Aidiladha ini diteruskan pada hari kedua dengan majlis ta'aruf antara peserta program keluarga angkat iaitu seramai 25 orang dari PRS-UMK dan 25 orang peserta dari PKPMI-CA bertempat di Balai Dusun 3, Kampung Neuheun.

Katanya, peserta dibahagikan kepada tiga kumpulan besar dan dihantar ke tiga lokasi gotong royong yang berbeza. Lokasi gotong royong yang dipilih seperti mushalla (surau), balai raya, dan tempat mengaji al-Qur'an di kampung tersebut.

"Kemuncak program ialah sambutan Hari Raya Aidil Adha di Panti Asuhan Tahfidz An-Nur, Leung Bata, iaitu sekitar 20 kilometer daripada pusat Bandar Aceh Darussalam. Sambutan Hari Raya Aidil Adha ini dimulakan dengan solat sunat Aidil Adha bersama penduduk kampung di Masjid Leung Bata. Selepas solat, peserta bersama penduduk kampung menyembelih dua ekor lembu hasil sumbangan daripada pihak UMK," katanya.

Tambahnya, sumbangan lembu korban adalah daripada Prof. Dato' Dr. Mortaza dengan menyumbangkan seekor lembu dan seekor lembu lagi adalah hasil sumbangan empat orang staf UMK iaitu Tuan Hj. Wan Supian Sori, En. Dony, En. Muhamad Anuar bin Ismail dan Pn. Hajjah Siha Binti Saat manakala tiga bahagian lagi telah dijual kepada masyarakat luar.

"Sebahagian daripada daging-daging lembu korban telah di sedekahkan kepada penduduk setempat dan sebahagian nya dimasak untuk kenduri dan jamuan bersama anak yatim, pelajar IAIN Ar-Raniry dan juga penduduk setempat.

"Pada hari keempat, sebahagian pelajar yang mengambil kursus Program Kemasyarakatan gabungan subjek Pembangunan Ekonomi dan Sosial (USK 4012) telah menjalankan kajian secara *walk survey* kepada masyarakat setempat di Kampung Neuheun. Kajian ini memfokuskan kepada pendapatan ekonomi dan masalah pembangunan yang dialami oleh kampung tersebut," katanya.

Seterusnya, pembentangan dan hasil solusi kajian telah dibincangkan untuk membantu penduduk setempat. Seterusnya, peserta bersama penduduk kampung menjalankan aktiviti sukaneka antara anak-anak penduduk juga dilakukan untuk mengeratkan lagi ukhuwah peserta dengan penduduk.



5

3

4

Menurut Afifah, pada hari keempat peserta telah dibawa ke tempat-tempat peninggalan tsunami dan lokasi sejarah seperti Muzium Tsunami, Muzium Atjeh, Kampus IAIN Ar-Raniry.

Tambahnya, tidak ketinggalan kami turut berpeluang melawat Rumah Anak Yatim Johor di Aceh yang dibangunkan oleh Kerajaan Negeri Johor untuk menunaikan amanat daripada Naib Canselor UMK, Prof. Emeritus Dato' Ir. Dr. Zainai B. Mohamed.

Lawatan diakhiri dengan melawat Masjid Baiturrahman untuk solat Zohor. Selepas itu, peserta bergerak ke Pantai Ujung Batee untuk sesi pembentangan idea pertukaran mahasiswa yang bertajuk "Selangkah Ke hadapan" yang dibawah penyeliaan oleh Dr. Nur Azuki B. Yusuff.

Majlis penyerahan anak angkat telah dilakukan bertempat di Balai Dusun 3, Kg Neuheun yang diketuai oleh Ketua Kompleks Cinta Kasih, Kg Neuheun. Bagi menghargai kerjasama dan penghargaan penduduk kampung sedikit cenderunghati dan sumbangan diberikan kepada setiap keluarga angkat peserta. Sesi fotografi bersama semua keluarga angkat turut dilakukan.

Peserta PRS-UMK telah diiringi oleh peserta dari Persatuan Kebangsaan Pelajar Malaysia di Indonesia Cabang Aceh ke Lapangan Terbang Sultan Iskandarmuda, Banda Aceh dan peserta berlepas meninggalkan Bumi Serambi Mekah pada pukul 4.40 petang waktu Indonesia barat yang mencatatkan seribu satu kenangan dan pengalaman dalam diri setiap peserta.

KETERANGAN GAMBAR

1. Kemusnahan dan kerosakan kesan daripada tsunami yang turut mengorbankan ribuan nyawa di Banda Aceh, Indonesia.
2. Timbalan Naib Canselor, Y.Bhg. Prof. Dato' Mortaza bin Mohamed bersama-sama pelajar dan penduduk kampung Leung Bata, Aceh, menyambut Hari Raya Aidiladha.
3. Program anjuran Kelab PRSUMK mendapat kerjasama erat pelajar Malaysia di Institut Agama Islam Ar-Raniry (IAIN Ar-Raniry, Kampus Darussalam
4. Aktiviti gotong-royong bersama masyarakat untuk persiapan kenduri sempena Hari Raya Aidiladha.
5. Menunaikan sembahyang sunat Aidiladha di masjid Baitu Ar-Rahman, Aceh.

Anugerah Inovasi Bioteknologi 2011: UMK raih 1 emas, 2 gangsa

TIGA penyelidik Universiti Malaysia Kelantan (UMK) meneruskan kecemerlangan Universiti dalam bidang penyelidikan dan pembangunan (R&D) dengan meraih tiga pingat daripada lima produk inovasi yang dipertandingkan dalam Anugerah Inovasi Bioteknologi sempena Persidangan dan Pameran BioMalaysia 2011 di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur (KLCC), baru-baru ini.

UMK meraih satu pingat emas dan dua pingat gangsa menerusi produk inovasi yang masing-masing dihasilkan oleh Pensyarah Kanan Fakulti Agro Industri dan Sumber Asli (FASA), Dr. Shamsul bin Muhammad, Timbalan Dekan Fakulti Agro Industri (FASA), En. Aweng A/L Eh Rak dan Ketua Jabatan Sains Bumi FASA, Prof. Dr. Razak bin Wahab.

Produk *Producing Maxillofacial Implants of Titanium Alloy (Ti6AL4V) Through Metal Injection Molding Using Palm Oil Based Binder System* oleh Dr. Shamsul dan penyelidik bersamanya iaitu Ketua Program *Advance Material Research Centre*, SIRIM Berhad, Dr. Rosdi bin Ibrahim, Prof. Madya Dr. Norhayati Abu Kasim dari Fakulti Pergigian Universiti Malaya (UM) dan Prof. Madya Dr. Mohammed Rafiq bin Dato' Abdul Kadir dari Fakulti Kejuruteraan Universiti Teknologi Malaysia (UTM) berjaya merangkul pingat emas di bawah kategori Anugerah Inovasi untuk Penyelidikan Perubatan.

Pingat gangsa pertama (kategori pertanian / industri berasaskan pertanian) diperoleh menerusi produk *BasillSorb* oleh En. Aweng, produk inovasi tersebut digunakan sebagai ejen pembersihan bagi tumpahan minyak dan campuran yang mengandungi air sisa minyak.

Produk *High Density & Strength Composite Lumbers from Compressed Oil Palm Fronds (COPaF) An Eco-Friendly Material, Strong, Durable, Light and Cheap Alternative to Future Wood* hasil penyelidikan Prof. Dr. Razak pula meraih pingat gangsa kedua (kategori

pertanian / industri berasaskan pertanian / penjaan kekayaan daripada sisa buangan pertanian).

Persidangan dan Pameran BioMalaysia 2011 anjuran bersama Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi, Malaysian Biotechnology Corporation Sdn. Bhd., Biotechnology Industry Organization dan PROTEMP Exhibitions Sdn. Bhd. berlangsung selama tiga hari bermula 21 November 2011. Sebanyak 116 produk dari pelbagai agensi termasuk Institusi Pengajian Tinggi (IPT) Awam dan Swasta bertanding dalam Anugerah Inovasi Bioteknologi.

Anugerah tersebut bertujuan mengiktiraf pencapaian cemerlang para penyelidik dari sektor awam dan swasta terhadap aktiviti R&D dalam bidang bioteknologi. Anugerah pada tahun ini diperkembangkan dengan cara baru dan menarik sejajar dengan Dasar Bioteknologi Negara yang telah mendorong pertumbuhan Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) dalam bidang bioteknologi di Malaysia.



HIKMAH JUNIOR CONSULTANT JUARA SME UNIVERSITY INTERNSHIP PROGRAMME



PELAKSANAAN SME - *University Internship Programme* mampu dimanfaatkan para pelajar melalui pendedahan kepada industri dan aplikasi praktikal dalam pembelajaran serta meningkatkan daya keyakinan untuk memulakan perniagaan di samping dapat menanamkan budaya keusahawanan dalam diri para pelajar.

Pengarah Kanan Bahagian Pembangunan Perniagaan SME Corp SME, Y.Bhg. Puan Fadzilah Ahmad Din berkata, program ini adalah inisiatif dan kerjasama antara dua kementerian iaitu Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) melalui SME Corp. Malaysia serta Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia (KPT) menerusi Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA).

Beliau percaya, program ini telah memberi impak besar sejak diperkenalkan pada 2007 apabila 106 syarikat perusahaan kecil

dan sederhana (PKS) telah menerima keuntungan sebanyak 75 peratus manfaat daripada program tersebut.

"Sehingga hujung tahun ini, seramai 536 pelajar dari 14 buah institusi pengajian tinggi awam (IPTA) telah dan sedang mengikuti program yang dianjurkan oleh SME Corp bagi membantu syarikat PKS meningkatkan prestasi perniagaan di samping memupuk budaya keusahawanan di kalangan mahasiswa," katanya.

Beliau berkata demikian pada pembentangan akhir program SME - *University Internship Programme* di Bilik Mesyuarat Perdana, UMK, pada 1 November 2011.

UMK TUAN RUMAH KEJOHANAN DEBAT WORLD UNIVERSITIES PEACE INVITATIONAL DEBATE BAHASA MELAYU 2011

UNIVERSITI Malaysia Kelantan (UMK) melakar sejarah sulung dalam Pertandingan World Universities Peace Invitational Debate Bahasa Melayu (WUPID BM) 2011 apabila menjadi tuan rumah pertandingan debat pertama dalam Bahasa Melayu itu di Kampus UMK Bachok, Kelantan pada 19 hingga 23 November 2011.

Pertandingan anjuran H&G Strategic Communication Sdn Bhd (H&G) dengan kerjasama Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia (KPT) dan UMK itu membabitkan penyertaan 24 pasukan dengan kehadiran peserta Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) dan universiti luar negara dari Afghanistan, Turki, Kemboja dan Singapura.

Naib Canselor UMK, Y.Bhg. Prof. Emeritus Dato' Ir. Dr. Zainai bin Mohamed berkata, penganjuran Pertandingan Debat WUPID BM 2011 itu memberi impak positif dalam usaha memartabatkan bahasa Melayu sebagai bahasa intelek di persada antarabangsa.

Tambah beliau, UMK sebagai sebuah IPTA sentiasa mendukung inspirasi dan matlamat KPT dalam program memperkasakan bahasa Melayu di peringkat tempatan dan antarabangsa.

"Melalui pelaksanaan program seperti ini kita juga dapat mencungkil dan mengasah bakat-bakat pendebat di samping membudayakan mereka berhujah berdasarkan fakta selain bertukar pandangan secara rasional dengan menggunakan teknik yang betul," katanya.

WUPID bahasa Inggeris telah mula dilaksanakan pada 2007 dan pertandingan ini menggunakan format perbahasan Parlimen British yang lazimnya digunakan dalam kalangan pertandingan perbahasan antarabangsa seperti Kejuhan Debat Universiti Dunia.

Naib Johan Pertama disandang oleh Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM), Naib Johan Kedua ialah Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) dan Naib Johan Ketiga milik Universiti Teknologi Malaysia (UTM).



UPM diwakili oleh Muhammad Badri bin Ishak dan Muhammad Zahir bin Abdul Aziz, manakala peserta UIAM terdiri daripada Nurezzah binti Abdullah dan Muhammad Ikhwani Hibatullah.

Peserta USIM terdiri daripada Mohd Ikhwani bin Mohd Rosseli dan Muhammad Ibrahim bin Ibrahim manakala UTM diwakili oleh Ahmad Mustaqim bin Yusoff serta Mohd Nazrul bin Nasaruddin.

Hadiah kepada para pemenang telah disampaikan oleh Prof. Emeritus Dato' Ir. Dr. Zainai dan Presiden H&G Strategic Communication Sdn Bhd, Y.Brs. En. Shamsul bin Azhar. Turut hadir Dekan Fakulti Agro Industri dan Sumber Asli (FASA) UMK, Y.Bhg. Prof. Dr. Hj. Ibrahim bin Che Omar.



UMK, KPKK Jalin Kerjasama KAJI WARISAN SENI BUDAYA

USAHA proaktif Universiti Malaysia Kelantan (UMK) dalam memartabatkan warisan seni budaya terus mendapat perhatian dan sokongan kerajaan bagi memastikan bidang kesenian dan kebudayaan yang menjadi teras kepada pembentukan masyarakat moden terus dipelihara.

Bagi memastikan usaha itu diperkembangkan dengan lebih meluas, pihak UMK dan Kementerian Penerangan Komunikasi dan Kebudayaan (KPKK) melalui Akademi Seni Budaya dan Warisan Kebangsaan (Aswara) akan menjalinkan kerjasama untuk melaksanakan program khas bagi mengkaji warisan seni budaya di negara ini.

Menteri Penerangan Komunikasi dan Kebudayaan, Y.B. Datuk Seri Utama Dr. Rais bin Yatim berkata, program khas itu yang akan bermula Januari tahun hadapan akan membabitkan kerjasama

melalui pertukaran pensyarah dalam pengkajian warisan seni budaya.

Tambah beliau, pihak KPKK akan bekerjasama dengan UMK untuk mewujudkan program khusus bagi mengkaji warisan dan budaya negara menerusi pelbagai cara yang akan diperhalusi tidak lama lagi.

"Program ini adalah dalam bentuk pertukaran sejarah pengkajian mengenai topik warisan seni dan budaya termasuk festival tradisi lisan dan ini akan kita laksanakan tahun demi tahun," katanya kepada pemberita selepas menyempurnakan perasmian Temasya Dikir Barat Kelantan, Festival dan Seminar Kebangsaan Tradisi Lisan dan Keusahawanan Warisan di Auditorium Kompleks Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara Kelantan, Kota Bharu, Kelantan pada 17 Oktober 2011.



UMK DISARAN JADI PENGGERAK UTAMA RENPER

UNIVERSITI Malaysia Kelantan (UMK) perlu menjadi penggerak utama dalam *Regional Network on Poverty Eradication* (RENPER) bagi meningkatkan pencapaian universiti dalam hubungan antarabangsa, penyelidikan dan program kemasyarakatan berkaitan pembasmian kemiskinan.

Pengarah Pusat Pengajian Bahasa dan Pembangunan Insaniah (PPBPI) UMK, Y.Bhg. Prof. Dr. Farok bin Zakaria berkata, penubuhan RENPER sebagai satu rangkaian kerjasama antarabangsa perlu dimanfaatkan seluas-luasnya oleh UMK dalam membasmikan kemiskinan sejagat.

Beliau berkata, tidak mustahil suatu hari nanti RENPER bakal menjadi sebuah pertubuhan yang besar dengan jumlah penyertaan ahli yang ramai.

"Usaha penubuhan RENPER telah dimulakan oleh UMK pada tahun 2010 sebagai menyahut seruan pada sambutan hari Pertubuhan Pendidikan, Sainifik dan Kebudayaan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNESCO) 2010.

RENPER adalah satu jalinan kerjasama antara 11 universiti daripada lapan negara. Ia merupakan salah satu inisiatif UMK

yang bermatlamat memperkukuhkan pengantarabangsaan universiti.

Antara universiti yang menganggotai RENPER adalah UMK, Universiti Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA), Universiti Teknologi MARA (UiTM), Universiti Sains Malaysia (USM), University of Battambang, Kemboja, Universitas Bengkulu dan Universitas Andalas, Indonesia, Banking University of Ho Chi Minh City, Vietnam, Prince of Songkla University, Thailand, University of Yangon, University of Dhaka dan Bangladesh Agricultural University, Bangladesh.

Menurut Prof. Dr. Farok, seminar yang berlangsung di University of Battambang, Kemboja dari 16 hingga 18 Oktober 2011 itu adalah sebahagian daripada aktiviti tahunan RENPER bagi membincangkan usaha ke arah pembasmian kemiskinan.

Katanya, pada hari pertama seminar, Pengerusi RENPER, Y.Bhg. Prof. Dr. Ibrahim bin Che Omar telah merasmikan seminar ini diikuti dengan pembentangan kertas kerja utama oleh Prof. Dr. Chong Li Choy daripada University Of St. Gallen, Switzerland bertajuk *Social Enterprise to Alleviate Poverty*.

Program Social Enterprise for Economic Development perlu promosi meluas



GOLONGAN pelajar dan usahawan yang menyertai Program Perusahaan Sosial untuk Pembangunan Ekonomi atau *Social Enterprise for Economic Development* (SEED) digesa memanfaatkan ilmu yang diperoleh melalui program yang telah memberi impak besar kepada masyarakat dan universiti itu.

Pengarah Pusat Pengajian Bahasa dan Pembangunan Insaniah (PPBPI) Universiti Malaysia Kelantan (UMK), Prof. Dr. Farok bin Zakaria berkata, SEED wajar diberi promosi dan publisiti meluas untuk meningkatkan keberkesanan program yang digerakkan oleh ASEAN Learning Network Council (ALNC) ini.

"Saya yakin pertubuhan ALNC akan menjadi satu organisasi penting dan diberi perhatian meluas pada suatu hari nanti. Publisiti melalui laman web dan promosi juga perlu dilakukan dengan segera dan sistematik bagi membolehkan orang ramai mengetahui tentang ALNC," katanya.

Beliau berkata, program SEED yang telah dijalankan di Vietnam baru-baru ini memfokuskan kepada kumpulan peniaga yang telah berjaya manakala usaha SEED pula adalah untuk membawa perniagaan mereka ke tahap yang lebih tinggi demi kepentingan masyarakat setempat dan negara.

Beliau berkata demikian selepas menghadiri mesyuarat ALNC bersama Naib Canselor UMK, Y.Bhg. Prof. Emeritus Dato' Ir. Dr. Zainai bin Mohamed di Universiti Brunei Darussalam (UBD), Brunei Darussalam pada 19 hingga 21 Oktober 2011.



Memorandum Persefahaman (MoU) antara Universiti Malaysia Kelantan (UMK) dengan Chonnam National University (CNU), Korea Selatan.

MEMORANDUM Perjanjian Persefahaman (MoU) yang ditandatangani oleh Universiti Malaysia Kelantan (UMK) dan Chonnam National University (CNU), Korea Selatan baru-baru ini menjadi titik tolak kepada usaha memperluaskan jalinan kerjasama kedua-dua buah Universiti dalam bidang akademik dan kajian penyelidikan.

Naiab Canselor UMK, Y.Bhg. Prof. Emeritus Dato' Ir. Dr. Zainai bin Mohamed percaya kerjasama dengan universiti terbaik di Korea Selatan itu membuka peluang luas kepada kedua-dua pihak melaksanakan pelbagai program berkembar yang mampu memberi manfaat jangka panjang.

Jelas beliau, perjanjian yang dimeterai antara UMK dan CNU merangkumi beberapa aktiviti kerjasama seperti pertukaran tenaga pengajar dan penyelidik, pertukaran pelajar, program penyelidikan dan projek bersama, kerjasama dalam penerbitan akademik serta pengajuran bersama bengkel, simposium dan aktiviti akademik lain.

"Dengan termeterainya perjanjian ini, UMK telah berjaya memperluaskan jaringan kerjasamanya ke negara serantau iaitu Korea Selatan yang terkenal dengan kemajuan sains dan teknologi yang di peringkat antarabangsa," katanya ketika lawatan ke CNU pada 31 Oktober 2011.




Majlis Menandatangani MoU itu telah diwakili oleh Prof. Emeritus Dato' Ir. Dr. Zainai manakala CNU diwakili oleh Presidennya, Prof. Dr. Yoon Soo Kim dan telah disaksikan oleh Dekan Fakulti Agro Industri dan Sumber Asli (FASA) UMK, Y.Bhg. Prof. Dr. Hj. Ibrahim bin Che Omar dan Pengarah Hubungan Antarabangsa CNU, Prof. Dr. Gyeonggu Shin.

Prof. Emeritus Dato' Ir. Dr. Zainai, Prof. Dr. Hj. Ibrahim bin Che Omar dan Penolong Pendaftar FASA, En. Mohd Badrul Hisyam bin Muhamad Alias yang turut serta dalam lawatan kerja tersebut telah dibawa melihat kemudahan dan fasiliti yang terdapat di CNU.

Selain CNU, delegasi UMK juga berkesempatan melawat salah satu Universiti swasta yang terkenal di Korea Selatan iaitu Chosun University. Perbincangan antara pihak UMK dan Chosun University turut diadakan bagi melihat potensi jalinan kerjasama kedua-dua pihak pada masa hadapan.



PENERBITAN UMK




AL - TAYSIR FI : A AL - LUGHATT AL - ARABIYYAT AL - ITTISALIYAT

Pengarang

Ahmed Thalal Hassan, Ahmed Zaki Amiruddin, Hassanudaliin Hassan, Nur Abdul Rahman

2011 / ISBN 978-967-5782-12-1 / 78 m/surat

Buku al - Tasyir ini mengandungi tiga tahap iaitu 1,2, dan 3. Dilengkapi dengan sistem terjemahan untuk memudahkan kefahaman para pelajar memahami bahasa Arab dengan mudah.




AQUACULTURE INDUSTRY

Pengarang: Lee Seong Wei, Wendy Wee

•2010
•ISBN 978 - 983 - 57820 - 2 - 2
•100 muka surat

Sinopsis

Kandungan buku ini membincangkan tentang kaedah dan praktikal dalam industri akuakultur sebagai salah satu industri yang berkembang pesat untuk membekalkan sumber makanan selain daripada perikanan.




ENTREPRENEURIAL EDUCATION AND ENTREPRENEURSHIP IN MALAYSIA

Pengarang: Mohd Dahlan Ibrahim, Ghazali Ahmad, Mohd Rafi Yaacob

•2011
•ISBN 978 - 967 - 5782 - 06 - 0
•220 muka surat

Sinopsis

Buku ini dilengkapi dengan panduan dan rujukan tentang pendidikan keusahawanan kepada pelajar.




PET INDUSTRY

Pengarang: Lee Seong Wei, Wendy Wee

•2010
•ISBN 978 - 983 - 57820 - 4 - 6
•88 muka surat

Sinopsis

Kandungan buku tentang kriteria pemilihan haiwan peliharaan, penjagaan dan pengurusan untuk haiwan peliharaan terutamanya mengenai pemakanan, pembiakan dan kesihatan yang berbeza.



ISSUES & STRATEGIES IN POVERTY ERADICATION


Pengarang

Ibrahim Che Omar

•2011
•ISBN 978 - 967 - 5782 - 15 - 2
•268 muka surat

Sinopsis
Buku ini mengandungi 11 topik yang merupakan kertas kerja yang telah dibentangkan di International Seminar on Poverty Eradication pada Oktober 2010.

Buku ini membincangkan tentang isu dan cabaran dalam pembasmian kemiskinan dari pelbagai Negara antaranya Malaysia, Bangladesh, Indonesia, Vietnam dan Negara di Asia Barat.




MEMULA DAN MENGURUS PERNIAGAAN PERUSAHAAN MIKRO, KECIL & SEDERHANA (PKS)

Pengarang: Mohd Nor Hakimin Yusoff, Mohd Rafi Yaacob

•2010
•ISBN 978 - 967 - 5782 - 11 - 4
•127 muka surat

Sinopsis

Buku ini mengandungi sembilan bab dengan penggunaan bahasa mudah dan tidak terlalu akademik. Kandungan buku ini merupakan panduan kepada mereka yang merancang untuk menjadikan keusahawanan sebagai kerjaya.




IKAN TILAPIA SECARA UMUMNYA

Pengarang: Lee Seong Wei, Wendy Wee.

•2010
•ISBN 978 - 983 - 57820 - 3 - 9
•49 muka surat

Sinopsis

Penerbitan buku ini sebagai panduan atau rujukan dan untuk tatapan umum khususnya ahli akademik, pelajar-pelajar, para penternak ikan dan masyarakat umum.



THE DEVELOPMENT OF THE MALAYSIAN PALM OIL INDUSTRY & THE ENVIROMENT

Pengarang: Mohd Rafi Yaacob

•2011
•ISBN 978 - 967 - 5782 - 07 - 7
•137 muka surat

Sinopsis

Kandungan buku ini mengupas pertumbuhan pesat industri minyak sawit di Asia Tenggara terutamanya di Malaysia dan Indonesia dalam tempoh empat dekad yang lalu dan telah menarik perhatian daripada pelbagai pihak. Buku ini dibahagikan kepada tujuh bab.